



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 ( 66 )

Tarikh : 10 MAC 2022

## BANJIR KILAT DI TAMAN BUANA PERDANA

Susulan kejadian beberapa siri banjir kilat yang berlaku di Taman Buana Perdana PJS3/25, Majlis telah pun mengadakan perbincangan bersama pihak pemaju yang menjalankan projek pembangunan di kawasan tersebut iaitu BH Builders Sdn. Bhd. yang mana pihak pemaju akan menjalankan kerja-kerja serta merta seperti **kerja-kerja pembesaran dan mendalamkan longkang tanah** sedia ada sepanjang 600 meter (dari Jalan Maju Jaya sehingga Jalan Sri Manja) menjadikannya sebagai "*inline retention*" yang akan bertindak sebagai longkang takungan sementara sebelum dialihkan ke sungai.

Pihak pemaju juga akan **menaikkan dinding longkang parit hujan lebat (PHL) setinggi 2 kaki** di kawasan terlibat banjir kilat dan lembah iaitu di persimpangan Jalan Sri Manja dan Jalan PJS 3/25.

Sementara itu, Majlis telah melakukan kerja-kerja **menyedut/membuang takungan air yang bertakung** di taman permainan kanak-kanak di Taman Buana serta menjalankan **kerja-kerja pembersihan longkang di tepi jalan PJS 3/25**.

Dalam masa sama, **kajian lebih terperinci juga sedang dilaksanakan oleh pihak perunding** yang dilantik oleh Majlis untuk mengenal pasti masalah dan tindakan yang akan diambil dengan mengambil kira data pasca bencana yang berlaku pada Disember 2021.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

